

ANTARA KEMENTERIAN DISUSUN SEMULA

KEMENTERIAN SEDIA ADA	KEMENTERIAN / FUNGSI / NAMA BARU	AGENSI / JABATAN YANG TERLIBAT
Jabatan Perdana Menteri	<ul style="list-style-type: none"> • Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dipindah dari Kementerian Luar Negeri • Jabatan Zakat, Wakaf dan Urusan Haji (diletakkan di bawah fungsi Hal Ehwal Agama Islam) • Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional • Felda dipindahkan dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perpaduan Negara (dipindahkan dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat) • Jabatan Setiausaha Persekutuan Sarawak • Jabatan Setiausaha Persekutuan Sabah
Kementerian Dalam Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Disusun semula dengan pewujudan sebuah kementerian baru iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri • Kementerian Dalam Negeri diberi nama baru iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan fungsi-fungsi lain sedia ada 	<ul style="list-style-type: none"> • Polis Diraja Malaysia • Jabatan Pertahanan Awam • Jabatan Penjara Malaysia • Rela • Fungsi mesin cetak dan penerbitan • Percetakan Nasional Malaysia Berhad • Agensi Dadah Kebangsaan • Suruhajaya Pasukan Polis • Jabatan Imigresen • Jabatan Pendaftaran Pertubuhan • Jabatan Pendaftaran Negara • Lembaga Penapisan Filem
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	<p>Fungsi tanah dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> • Felda dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri • Fungsi-fungsi berikut dipindahkan ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah <ol style="list-style-type: none"> a) Pemajuan dan pembangunan tanah di kawasan yang ditentukan di Sarawak b) Pihak Berkuasa Tempatan Bintulu, Sarawak c) Penyatuan dan pemulihan tanah di Sarawak • Fungsi koperasi dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian • Jabatan Ukur dan Pemetaan • Institut Tanah dan Ukur Negara • Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak • Lembaga Kemajuan Bintulu • Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (Salcra) • Jabatan Pembangunan Koperasi • Maktab Kerjasama Malaysia • Bank Kerjasama Rakyat Berhad
Kementerian Pendidikan	<p>Kementerian Pendidikan disusun semula:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pelajaran – merangkumi fungsi berkaitan pelajaran prasekolah, rendah dan menengah sehingga STPM, matrikulasi dan yang setaraf dengannya, pendidikan vokasional dan teknikal, pendidikan khas, pendidikan Islam dan moral dan pendidikan jasmani dan sukan • Kementerian Pengajian Tinggi – merangkumi institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, dan kolej universiti 	<ul style="list-style-type: none"> • Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Jabatan Perpustakaan Negara dikekalkan di Kementerian Pelajaran
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	<p>Kini dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Fungsinya ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembasmian kemiskinan termasuk <i>capacity building</i> dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Kementerian ini mengambil alih fungsi-fungsi (yang digariskan di atas) dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi 	
Kementerian Perusahaan Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Fungsi hutan dan galian dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar • Kini dikenali sebagai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan bertanggungjawab ke atas komoditi utama perladangan iaitu kelapa sawit, koko, getah, lada hitam dan tembakau • Jemaah Pemasaran Lada Hitam dipindahkan dari Kementerian Pertanian ke kementerian ini 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia • Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia • Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan mengekalkan fungsi-fungsi sedia ada kecuali fungsi-fungsi alam sekitar dan Perhilitan dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar • Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengambil alih fungsi-fungsi berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Pembangunan ICT dan multimedia (kandungan) dari Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia b) Perbadanan Pembangunan Multimedia dipindahkan dari Kementerian Kewangan c) Pejabat Penasihat Sains kepada Perdana Menteri dan MIGHT dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri d) Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia dipindahkan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Alam Sekitar • Jabatan Perhilitan • Pusat Penggalakan Intelektual dan Kemajuan Teknologi (CIPTA) diletakkan di bawah kementerian ini
Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia	<p>Kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Fungsinya ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkaitan dengan tenaga, komunikasi (infrastruktur) dan pos • Berkaitan air dan pembedungan masing-masing dipindahkan dari Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Berkaitan pembanguna ICT dan multimedia (kandungan) dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Multimedia 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Pembetulan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	<p>Kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fungsi perpaduan negara dan integrasi nasional dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri. • Fungsi-fungsi lain Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat digabungkan dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perpaduan Negara dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Pertanian	<p>Kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan mengekalkan fungsi-fungsi sedia ada kecuali Jabatan Saliran dan Pengairan yang dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jemaah Pemasaran Lada Hitam pula ke Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan Lembah Klang • Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • Perbadanan Labuan • Perbadanan Putrajaya • Hal Ehwal Kepulauan
	<p>Kementerian Wilayah Persekutuan diwujudkan untuk menguruskan kemajuan dan pembangunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya</p>	